

D.R. 20/2017

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Pindaan) 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 [*Akta 249*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan menggantikan takrif “Menteri” dengan takrif yang berikut:

‘ “Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kemajuan luar bandar dan wilayah;’.

Pindaan seksyen 5**3. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—**

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) seorang wakil Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kemajuan luar bandar dan wilayah;
- (d) seorang wakil Perbendaharaan dari Kementerian Kewangan;
- (e) seorang wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
- (f) tiga orang wakil Kerajaan Negeri;
- (g) empat orang yang, pada pendapat Menteri, sesuai dan dapat menyumbang dalam menjalankan fungsi dan peranan Lembaga; dan
- (h) Pengurus Besar.”;

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “subseksyen (3) dan (4)” dengan perkataan “subseksyen (3)”;

(c) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “, 3 dan 7” dengan perkataan “dan 3”;

(d) dengan memotong subseksyen (4); dan

(e) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “(f)” dengan perkataan “(h)”.

Seksyen baharu 5A

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 5 seksyen yang berikut:

“Anggota silih ganti

5A. (1) Menteri boleh, berhubung dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(c), (d) atau (e), melantik seseorang untuk menjadi anggota silih ganti untuk menghadiri, sebagai ganti anggota itu, mesyuarat Lembaga apabila anggota itu tidak dapat hadir kerana apa-apa sebab.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), anggota silih ganti hendaklah dinamakan oleh anggota yang dilantik di bawah perenggan 5 (1)(c), (d) atau (e), dengan kelulusan Menteri.

(3) Seseorang anggota silih ganti yang menghadiri mesyuarat Lembaga hendaklah, bagi segala maksud, disifatkan sebagai seorang anggota Lembaga.

(4) Seseorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatannya terlebih dahulu atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang baginya dia merupakan anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Lembaga.”.

Pindaan seksyen 12

5. Seksyen 12 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Pengerusi hendaklah bertanggungjawab untuk menyelia dan mengawal pelaksanaan dasar dan keputusan yang dibuat oleh Lembaga.

(1B) Pengerusi boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut, mewakilkan kepada mana-mana anggota Lembaga yang lain atau mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga untuk menjalankan kuasa, kewajipan atau fungsi yang terletak hak atau dipertanggungjawabkan kepada Pengerusi di bawah Akta ini sebagaimana yang ditentukannya.”.

Pindaan seksyen 13**6. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Menteri hendaklah melantik seorang Pengurus Besar mengikut apa-apa syarat dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.”;

- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Pengurus Besar hendaklah bertanggungjawab bagi—

- (a) pentadbiran dan pengurusan Lembaga;
- (b) perancangan dan pelaksanaan apa-apa program, skim atau projek; dan
- (c) pelaksanaan apa-apa keputusan Lembaga.”;

- (c) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “Pengerusi” dengan perkataan “Menteri dan Lembaga”;

- (d) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “Lembaga atau Pengerusi” dengan perkataan “Menteri atau Lembaga”; dan

- (e) dengan memasukkan selepas subseksyen (7) subseksyen yang berikut:

“(7A) Pengurus Besar boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut, mewakili kuasa, kewajipan atau fungsinya kepada mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga untuk menjalankan kuasa, kewajipan atau fungsi itu yang terletak hak atau dipertanggungkan kepada Pengurus Besar di bawah Akta ini sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus Besar dan perwakilan kuasa itu—

- (a) tidak menghalang Pengurus Besar daripada melaksanakan atau menjalankan, pada bila-bila masa, mana-mana kuasa, kewajipan atau fungsi yang diwakilkan sedemikian; dan
- (b) hendaklah dilakukan atas nama Lembaga.”.

Pindaan seksyen 14

7. Subseksyen 14(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pengerusi” dengan perkataan “Lembaga”.

Penggantian seksyen 16A

8. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 16A dengan seksyen yang berikut:

“Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000

16A. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [*Akta 605*] hendaklah terpakai bagi Lembaga.”.

Pemotongan seksyen 16B, 16C, 16D, 16E, 16F, 16G dan 16H

9. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 16B, 16C, 16D, 16E, 16F, 16G dan 16H.

Seksyen baharu 28A

10. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk menubuhkan Jawatankuasa

28A. (1) Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa sebagaimana yang Lembaga fikirkan perlu atau suai manfaat untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Jadual Ketiga hendaklah terpakai bagi tiap-tiap jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (1).”.

Seksyen baharu 32A

11. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 32 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk meminda Jadual

32A. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, meminda mana-mana Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.”.

Pemotongan seksyen 34 dan 35

12. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 34 dan 35.

Pindaan Jadual Pertama

13. Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda—

(a) dalam subperenggan 4(1), dengan menggantikan perkataan “sekali sebulan” dengan perkataan “sekali dalam tiap-tiap tiga bulan”;

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan 4(2) subperenggan yang berikut:

“(2A) Tiap-tiap anggota Lembaga yang hadir berhak kepada satu undi.”; dan

(c) dalam subperenggan 6(3), dengan menggantikan perkataan “Pengerusi” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Pengurus Besar”.

Jadual baharu Ketiga

14. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kedua Jadual yang berikut:

“JADUAL KETIGA

[Subseksyen 28A(2)]

Terma dan syarat pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan

1. (1) Pada menjalankan kuasanya di bawah Akta ini, jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang dikeluarkan kepada jawatankuasa itu oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa dan memilih mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi suatu jawatankuasa.

(3) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(4) Pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga.

(5) Anggota sesuatu jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis yang ditujukan kepada Pengerusi Lembaga.

Mesyuarat

2. (1) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(2) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota jawatankuasa itu untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa bagi maksud menasihati jawatankuasa itu tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

(3) Anggota jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subperenggan (2) boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Tatacara

3. Tertakluk kepada Akta ini, jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.”.

Persetujuan dan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 hendaklah terus berkuat kuasa

15. (1) Walau apa pun pemotongan seksyen 34 dan 35 Akta ibu dalam seksyen 12 Akta ini, persetujuan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan di bawah seksyen 34 Akta ibu hendaklah terus berkuat kuasa sehingga tamat tempoh persetujuan itu.

(2) Walau apa pun tarikh tamat tempoh persetujuan yang disebut dalam subseksyen (1), Akta ibu hendaklah terus kekal berkuat kuasa dan mempunyai kesan sepenuhnya sebagaimana yang dipinda dalam Akta ini.

Kecualian dan peralihan

16. (1) Walau apa pun peruntukan Akta ini, anggota Lembaga dan anggota mana-mana jawatankuasa yang dilantik atau dipilih sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah terus memegang jawatan sehingga pelantikannya dibatalkan atau sehingga tempoh pelantikannya tamat.

(2) Mana-mana prosiding tatatertib yang dimulakan di bawah seksyen 16A hingga 16H Akta ibu yang belum selesai sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan dan diuruskan seolah-olah seksyen 16A hingga 16H Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 (“Akta 249”). Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk melicinkan dan mempercepat urusan pentadbiran Lembaga dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Pindaan yang dicadangkan juga selaras dengan amalan biasa Lembaga.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda takrif “Menteri” untuk menjelaskan bahawa Menteri yang bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi di bawah Akta 249 ialah Menteri yang bertanggungjawab bagi kemajuan luar bandar dan wilayah.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 5(1) Akta 249 berkenaan dengan pelantikan anggota Lembaga oleh Menteri. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memotong subseksyen 5(4) Akta 249 yang tidak lagi terpakai bagi Pengurus Besar.

Fasal 3 juga bertujuan untuk meminda subseksyen 5(2) dan (3) yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada subseksyen 5(4) Akta 249 serta untuk meminda subseksyen 5(5) yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada subseksyen 5(1) Akta 249.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 5A ke dalam Akta 249 untuk memberi Menteri kuasa untuk melantik anggota silih ganti berhubung dengan anggota tertentu Lembaga.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan subseksyen 12(1A) dan (1B) baharu ke dalam Akta 249. Subseksyen 12(1A) baharu yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan tanggungjawab Pengerusi untuk menyelia dan mengawal pelaksanaan dasar dan keputusan yang dibuat oleh Lembaga. Subseksyen 12(1B) baharu yang dicadangkan pula bertujuan untuk memperuntukkan perwakilan kuasa Pengerusi kepada mana-mana anggota Lembaga, pegawai atau pekhidmat Lembaga untuk menjalankan apa-apa kuasa, kewajipan atau fungsi Pengerusi.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 13(1) dan (2) Akta 249 untuk membezakan fungsi dan tanggungjawab Pengerusi dan Pengurus Besar. *Fasal* ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen 13(3) Akta 249 untuk memperuntukkan bahawa Pengurus Besar hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri dan Lembaga dan bukan lagi kepada Pengerusi.

Fasal 6 juga bertujuan untuk meminda subseksyen 13(5) Akta 249 untuk memperuntukkan bahawa Pengurus Besar hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain atau tambahan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri atau Lembaga dari semasa ke semasa dan memotong kehendak bagi Pengurus Besar untuk melaksanakan kewajipan lain atau tambahan sebagaimana yang diarahkan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa. Subseksyen baharu 13(7A) yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan perwakilan kuasa Pengurus Besar kepada mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 14(2) Akta 249 untuk memperuntukkan bahawa pegawai yang menjaga tiap-tiap Bahagian hendaklah dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk menggantikan seksyen 16A Akta 249 untuk memperuntukkan bahawa Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] hendaklah terpakai berkenaan dengan tatatertib pekerja Lembaga.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk memotong seksyen 16B, 16C, 16D, 16E, 16F, 16G dan 16H Akta 249 yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 16A Akta 249.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 28A ke dalam Akta 249 untuk memberi Lembaga kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa bagi membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 32A ke dalam Akta 249 untuk memberi Lembaga kuasa, dengan kelulusan Menteri, untuk meminda Jadual kepada Akta 249.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk memotong seksyen 34 dan 35 Akta 249 oleh sebab tiada lagi keperluan untuk tempoh kuat kuasa Akta 249 dilanjutkan melalui persetujuan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda subperenggan 4(1) dan 6(3) Jadual Pertama kepada Akta 249. Pindaan kepada subperenggan 4(1) bertujuan untuk mengurangkan bilangan mesyuarat Lembaga daripada sekali dalam sebulan kepada sekali dalam tiap-tiap tiga bulan. Pindaan kepada subperenggan 6(3) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa meterai perbadanan Lembaga dan cap hendaklah disimpan dalam jagaan Pengurus Besar.

Fasal 13 juga bertujuan untuk memasukkan subperenggan baharu 4(2A) bagi menyatakan hak mengundi tiap-tiap anggota Lembaga yang hadir.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk memasukkan Jadual baharu Ketiga ke dalam Akta 249 memperuntukkan perkara yang berhubungan dengan pelantikan, mesyuarat dan tatacara jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Akta 249.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk menjelaskan bahawa Akta 249 hendaklah terus kekal berkuat kuasa selepas tamat tempoh persetujuan yang dibuat di bawah seksyen 34 Akta 249. Perkara ini berbangkit daripada pindaan dalam *fasal 12* Rang Undang-Undang ini.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan.

18. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2991]